



JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU IKON KEBANGGAAN ORANG "TRANUNG"

Teks: Muhammad Lutfi Zahid Foto: Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.

Setelah berpenat lelah membanting tulang dan mencari rezeki di bandar, pastinya kita mengimpikan percutian yang menenangkan untuk "lari" daripada kesibukan tugas harian yang tidak akan ada penyudahnya. Dalam hal ini, rata-rata masyarakat pastinya tertanya-tanya lokasi percutian yang berbaloi di Malaysia yang setanding dengan di luar negara, memandangkan pada masa ini terdapat kawalan perjalanan yang menghadkan masyarakat untuk bercuti ke negara luar.


Bagi menjawab persoalan tersebut, terdapat sebuah negeri yang bukan sahaja setanding dengan percutian di luar negara, bahkan mungkin lebih daripada itu, dan pastinya lokasi ini wajib dilawati, iaitu di negeri Terengganu Darul Iman. Negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia itu cukup terkenal dengan keindahan pulau-pulau peranginan yang dikelilingi oleh perairan bertaraf antarabangsa, mempunyai khazanah kekayaan flora dan fauna yang masih terpelihara, dan perwatakan kebudayaan dan kesenian yang masih dikekalkan dalam kehidupan harian masyarakat tempatan hingga ke hari ini.

Bukan itu sahaja, Terengganu turut memiliki pelbagai lokasi tumpuan pelancongan yang menawarkan pengalaman yang

berbeza berbanding di tempat lain. Di Kuala Terengganu misalnya, lokasi seperti Taman Tamadun Islam, Pasar Payang, Kampung Cina, Masjid Kristal, Istana Maziah dan Muzium Negeri Terengganu merupakan lokasi menarik yang seharusnya dikunjungi jika melawati daerah ini. Kini, terdapat satu lagi tarikan baharu di Kuala Terengganu yang pastinya memukau pandangan para pelancong dari dalam dan luar negara, iaitu Jambatan Angkat Kuala Terengganu.

Jika dahulu London terkenal dengan London Tower Bridge yang menjadi pujaan para pelancong dari pelbagai negara, kini masyarakat Terengganu berupaya "mendabik dada" dengan kemegahan Jambatan Angkat Kuala Terengganu yang menjadi mercu tanda bertaraf dunia. Mengambil inspirasi daripada jambatan angkat di London itu, Jambatan Angkat Kuala Terengganu, atau dikenali sebagai Terengganu Drawbridge, mula dibina pada bulan Ogos 2014 dan siap sepenuhnya pada bulan Jun 2019 dengan menelan belanja sebanyak RM249 juta.

Dengan kedudukan geografi yang strategik, jambatan yang tersergam indah menghadap ke arah Laut Cina Selatan ini berupaya menghubungkan pusat bandar Kuala Terengganu



Pemandangan Jambatan Angkat Kuala Terengganu pada waktu malam.

dengan Kuala Nerus, yang selama ini dipisahkan oleh muara Sungai Terengganu, melalui Seberang Takir. Selain itu, jambatan angkat yang mula dibuka untuk lawatan para pengunjung pada bulan Ogos 2019 ini berjaya memendekkan waktu perjalanan dari pusat bandar Kuala Terengganu ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud dengan hanya mengambil masa 15 minit sahaja dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar itu dengan efektif pada waktu puncak.

Jika para pengunjung melalui jambatan ini dengan kenderaan atau melihatnya dengan lebih dekat, pastinya akan melahirkan perasaan kagum dengan saiznya yang begitu besar, sehingga dapat dilihat dari jarak hampir satu kilometer. Maka, tidak hairanlah Jambatan Angkat Kuala Terengganu ini diangkat menjadi jambatan bermenara terpanjang di dunia dengan ketinggian 106 meter dari paras laut dan jarak 638 meter, sehinggakan terdapat beberapa pemandu yang sanggup membuat pusingan

berulang kali untuk merasai pengalaman berada di jambatan ikon baharu itu. Jambatan ini mempunyai dua lorong untuk laluan kenderaan bermotor pergi dan balik, serta ruang pejalan kaki bagi kedua-dua arah untuk memberikan peluang kepada pengunjung yang ingin menikmati keindahan kawasan sekitarnya.

Selain itu, Jambatan Angkat Kuala Terengganu turut mendapat pengiktirafan daripada Majlis Pelancongan Malaysia dengan merangkul Anugerah Emas Majlis Pelancongan Malaysia 2019 dalam kategori Ikon Pelancongan Baharu Terbaik. Hal ini bertepatan dengan rekod pengunjung berbayar yang diterima jambatan tersebut, iaitu hampir 30 ribu pengunjung, sejak dikenakan bayaran pada bulan September 2019. Bahkan, jambatan ini turut melakar sejarah sebagai jambatan angkat pertama di Asia Tenggara, sekali gus berupaya mengangkat nama Malaysia, khususnya negeri Terengganu, di persada dunia.

Yang menariknya, Jambatan Angkat Kuala Terengganu bukan sahaja dijadikan sebagai laluan singkat bagi kenderaan dan juga ikon pelancongan di



Galeri Skybridge menawarkan pelbagai produk kreativiti tempatan kepada pengunjung.



Jambatan Angkat Kuala Terengganu dilengkapi dengan sistem hidraulik *bascule* yang membolehkan kapal besar melalui bawahnya.

daerah itu, malahan mempunyai fungsi utama yang tersendiri. Bersedua dengan fungsi sebagai sebuah jambatan angkat, setiap menara di Jambatan Angkat Kuala Terengganu mempunyai sistem hidraulik *bascule* atau daun jambatan yang boleh diangkat di bahagian tengah untuk memberikan laluan kepada kapal besar yang lalu di bawahnya.

Di bahagian tengah jambatan ini mempunyai garis penyambung daun jambatan yang bertujuan untuk membuka dan menutup daun jambatan tersebut. Setiap daun jambatan tersebut mempunyai ukuran sepanjang 38 meter apabila diangkat, dan menjadikannya sebagai daun jambatan terpanjang di dunia. Apabila daun jambatan tersebut diturunkan dan bersambung semula untuk lalu lintas, panjangnya mencecah 76 meter. Bagi memudahkan kapal yang bersaiz besar melalui muara Sungai Terengganu ini, setiap daun jambatan berupaya diangkat hingga 75 darjah ketinggian, iaitu setara dengan landasan konkrit bagi setiap menara yang terletak di bahagian bawah jambatan. Daun jambatan ini mengambil masa hanya dua minit untuk diangkat sepenuhnya dan tiga minit untuk diturunkan, manakala kadar kelajuan untuk turun dan naik pula boleh dikawal oleh petugas syarikat operasi pengendalian, iaitu Terengganu Incorporated Sdn. Bhd., mengikut keadaan semasa.

Dalam hal ini, kelebaran laluan antara landasan konkrit

menaranya sepanjang 50 meter membolehkan kapal-kapal besar, seperti kapal peranginan, melaluinya tanpa sebarang masalah apabila daun jambatan ini diangkat. Sekiranya kadar air sungai meningkat sehingga menyebabkan ketinggian jambatan ini mencapai 12.5 meter dari paras laut, maka kapal-kapal yang melebihi had ketinggian tersebut perlu menghubungi pihak pengurusan jambatan untuk mengangkat daun jambatan mengikut tahap kesesuaian saiz kapal.


Secara umumnya, kekuatan panorama di Jambatan Angkat Kuala Terengganu sebenarnya terletak pada dua menara berkembar setinggi 15 tingkat yang menyerlahkan lagi kemegahan jambatan tersebut. Kedua-dua menara tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, antaranya termasuklah Galeri Sybridge yang memaparkan kreativiti produk kraf tangan, lukisan dan pelbagai acara seni yang menarik. Sehingga kini, galeri yang terletak di bahagian atas menara tersebut telah menerima hampir 20 ribu pengunjung dengan anggaran 2000 pengunjung sehari, khususnya pada hujung minggu.

Bagi individu yang menggemari pemandangan alam semula jadi, kunjungan ke menara berkembar ini merupakan pilihan yang tepat dan sangat berbaloi. Kedua-dua menara dikelilingi oleh panorama yang menakjubkan dan menawarkan pemandangan yang berupaya memukau mata dan menyentuh jiwa para pengunjungnya. Antara panorama menarik yang dapat dinikmati di menara ini termasuklah pemandangan keindahan bandar Kuala Terengganu, yang terkenal dengan jolokan Bandar Raya Warisan Persisir Air, yang dihiasi dengan bangunan-bangunan yang kaya dengan nilai kesenian ukiran tempatan.

Di samping itu, melalui menara jambatan ini juga, para pengunjung dapat melihat keindahan Sungai Terengganu yang rancak dengan aktiviti pengangkutan bot pelancong dan nelayan. Bahkan, tempat pembuatan bot dan kapal yang terdapat di persisiran muara, Pasar Payang, dan Kampung Nelayan yang menghiasi di sepanjang persisiran Sungai Terengganu ini turut dapat dilihat.

Yang paling menariknya, para pengunjung turut berpeluang menikmati keindahan awan yang menguning di celahan bukit bukau yang kerap kali hadir pada waktu senja, berupaya meninggalkan kesan di hati dan pada mata orang yang melihatnya. Kecantikan Laut Cina Selatan yang luas sehingga menampakkan sebahagian bentuk muka bumi yang bulat menambahkan lagi ketenangan para pengunjung yang berada di puncak menara ini. Hal ini merupakan keistimewaan Jambatan Angkat Kuala Terengganu dan hanya dapat dinikmati apabila para pengunjung berada di kedua-dua menara jambatan tersebut.

Selain menawarkan panorama indah yang dilihat melalui tingkap, kedua-dua menara jambatan ini juga memiliki lantai yang diperbuat daripada kaca untuk melihat aktiviti di bawahnya. Aktiviti mencabar ini dapat dinikmati apabila pengunjung




Daun Jambatan Angkat Kuala Terengganu diiktiraf sebagai daun jambatan terpanjang di dunia.


berada di *sky terrace* yang mencapai ketinggian sekitar 80 meter dari paras laut. Selain itu, menara ini turut dilengkapi dengan kemudahan fotografi berlatarbelakangkan pemandangan Kuala Terengganu untuk diabadikan sebagai kenangan yang tidak mungkin dapat dilupakan. Perkhidmatan fotografi ini diambil secara automatik dan dimasukkan bersama-sama gambar panorama digital mengikut pilihan pengunjung. Di samping itu, pengunjung juga berpeluang merasai pengalaman bermain permainan realiti maya berteknologi tinggi di menara ini dan satu-satunya permainan seumpama ini di Malaysia.

Di bahagian bawah menara ini juga disediakan kafe untuk para pengunjung bersantai bersama-sama ahli keluarga dan sahabat handai menikmati santapan dan minuman sambil merasai pengalaman suasana peranginan dan aktiviti kapal dan bot yang melewati Sungai Terengganu. Manakala di bahagian atas pula, terdapat sebuah restoran yang bagaikan terapung di atas kayangan bagi para pengunjung yang ingin menikmati juadah sambil memanjakan mata mereka dengan pemandangan yang menyentuh jiwa. Pastinya pengalaman ini merupakan suatu kenangan yang unik untuk dirasai ketika bercuti di Kuala Terengganu, terutamanya pada waktu petang ketika matahari mula terbenam.

Sehingga kini, Jambatan Angkat Kuala Terengganu terus menjadi tumpuan bagi para pengunjung dari dalam dan luar negara. Ada yang mengambil peluang berswafoto, beriadah dan berkelah bersama dengan ahli keluarga di sekitar jambatan tersebut, tanpa mengira cuaca panas ataupun hujan. Bahkan, ada sesetengah pengunjung yang sanggup menyewa bot penambang untuk menyusuri Sungai Terengganu, semata-mata mahu merasai pengalaman yang berbeza berbanding di darat. Dengan bayaran sekitar RM50 hingga RM60, para pengunjung berpeluang menghayati pemandangan dan struktur binaan jambatan ini dari sudut perspektif yang berbeza. Dengan cara ini, para pengunjung bukan sahaja dapat melihat jambatan itu dengan lebih dekat, bahkan dapat membantu meningkatkan ekonomi dan sumber kewangan pengusaha bot tempatan.

Manakala bagi kawasan lapang di utara muara Sungai

Terengganu di sekitar Seberang Takir, akan dibangunkan pusat pelancongan, seperti taman tema air, taman haiwan, studio interaktif, pentas pertunjukan seni dan tempat riadah bersama-sama keluarga. Tarikan seperti ini pastinya berupaya merencanakan lagi aktiviti pelancongan di Terengganu, sekali gus memberikan pulangan terhadap sumber kewangan penduduk tempatan dan juga pemangkin ekonomi negeri. 



Jambatan Angkat Kuala Terengganu dihiasi lampu yang berwarna-warni pada waktu malam.